



**UTeM**


UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Edisi ke-18/Disember 2013 ISSN 1996-2924

# TERAS

*Buletin Pejabat Pendaftar*

## Ke Arah **UTeM Autonomi**



**Jom Kita**

**- Strategic Leadership -**

**International  
Outreach Programme**

**Warga Kerja  
Idaman Majikan**

**WAKIM**

**4**  
**Pengambilan Staf Pentadbiran di UTeM**  
 Unit Perjawatan Pentadbiran sedang dalam proses pengambilan staf pentadbiran.....

**7**  
**Jom Kita 5S**  
 :: seiri :: seiton :: seiso :: seiketsu :: shitsuke .....

**11**  
**Transformasi Diri Menjadi Warga Kerja Idaman Majikan (WAKIM)**  
 Kelestarian sesebuah organisasi bergantung kepada warganya yang.....

**33**  
**Senyumlah Duhai Diri**  
 # Sentiasalah tersenyum....

**10**  
**UTeM Ke Arah Autonomi**  
 Autonomi membawa maksud penurunan kuasa daripada agensi dan pihak Kementerian kepada Lembaga...

**16**  
**Majlis Konvokesyen Ke - 9 UTeM**  
 167 graduan sulung Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan turut diraikan...

**18**  
**Staf Berjaya Menamatkan Pengajian**  
 Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah...

**32**  
**MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar**  
 Pelaksanaan Audit Pengawasan 2 (Surveillance Audit 2) bagi tahun kedua - 2013...

**25**  
**Continuous Professional Development**  
 Berdasarkan rekod pemohonan mata CPD yang diperolehi oleh Unit Kompetensi Bahagian...

**31**  
**Latihan Sangkutan Kakitangan**  
 Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka...

**30**  
**UTeM Catat Kemasukan 3,022 Pelajar Baharu Sesi Akademik 2013/2014**  
 Sistem pendaftaran pelajar baharu lebih terkini, teratur, cepat dan efisien...


**35**  
**Coretan Aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personel**  
 Dalam menghadapi kehidupan seharian yang semakin hari semakin mencabar ini....

**27**  
**International Outreach Programme - Strategic Leadership (IOP-2013)**  
 Di Australia, 22 hingga 28 September 2013...

**13**  
**Menterjemah Melalui Projek Inisiatif Program PERINTIS**  
 PERINTIS yang dibangunkan untuk menerapkan kefahaman visi dan misi Universiti kepada....

**23**  
**Program Transformasi Minda Bil. 1 Tahun 2013**  
 Modal insan yang berdaya tahan dan kompetitif adalah pra-syarat penting bagi...

**37**  
**Jom Jenguk-Jenguk Bahagian Pengurusan Akademik**  
 Keluaran Teras Edisi ke-18 kali ini menjenguk...



Katakanlah (wahai Muhammad):  
 "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk agamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka)."  
 (Surah At-Taubah - Ayat 24)

  
**Y.Bhg. Datuk Hasan bin Sirun**  
**Penaung**

  
**Masdzarif bin Hj. Mahat**  
**Ketua Editor**

  
**Norihan binti Abu Nawar**  
**Editor**

  
**Jorafiza binti Juki**  
**Jurugambar**

  
**Md Nor bin Mohamad Saleh**

  
**Nuruldayu binti Taib**

  
**Mohd Farid bin Supangi**

  
**Asri bin Abu**

**Sidang Redaksi**  
  
**Muhammad Hazrul bin Md Esa**

  
**Mahathir bin Mazizan**

  
**Azrina binti Afwi**

  
**Norsuria binti Azis**

  
**Norafsa binti Ramlee**

  
**Faridah binti Ahmad**

  
**Nurhayati binti Mohd Shariff**  
**Pembaca Prof**

  
**Ratnaserah binti Azis**  
**Rekabentuk**

**Penulis/Wartawan**

- Sahizam bin Maamin
- Mohd Hairuff bin Abdolah
- Norihan binti Abu Nawar
- Nur Fazilah binti Mohd Kassim
- Mohamad Yusof bin Mohamad Dan
- Erdafia Erna binti Daud
- Siti Safwah binti Ahmad
- Azhar bin Mohd Salleh
- Hazrin binti Kasim
- Azrina binti Afwi
- Mahathir bin Mazizan
- Laila Zahidah binti A. Rahman
- Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin
- Muhammad Hazrul bin Md Esa
- Elfa Laily binti Mohd Ramli
- Faridah binti Ahmad

**Ralat**

**Teras Edisi ke-17/Julai 2013**  
 Pembetulan bagi muka surat 7, ruangan **Staf Naik Pangkat Bagi 2013**  
 - **Profesor Madya (DS54)**  
 Dr. Burhanuddin bin Mohd Aboobaidar & Dr. Mohd Faizal bin Abdollah, adalah dari **Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi** bukan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan

**Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih.**  
**Segala Puji Bagi Allah, Tuhan Sekalian Alam.**  
**Selawat Dan Salam Kepada Nabi Muhammad SAW.**  
**Selamat Sejahtera Kepada Anda Dengan Rahmat Dan KeberkatanNya.**

Syukur Alhamdulillah dengan izinNYA, penerbitan Buletin TERAS Pejabat Pendaftar Edisi yang Ke-18 dapat diterbitkan sebagai penutup tirai Keluaran pada tahun ini. Adalah menjadi tekad Sidang Redaksi untuk sentiasa mengetengahkan berita-berita dan topik-topik yang menarik serta dapat memberi ilmu pengetahuan kepada semua pembaca dimuatkan di dalam setiap Keluaran Buletin TERAS Pejabat Pendaftar.

Antara topik penting di dalam edisi ini adalah mengenai persediaan universiti ke arah Audit Autonomi. UTeM bersama-sama dengan empat (4) buah lagi IPTA iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) serta Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menyatakan kesediaan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk diaudit bagi menentukan sama ada sudah bersedia atau sebaliknya untuk diberi autonomi.

Secara umumnya, autonomi yang akan diberikan kepada universiti yang memenuhi keperluan yang ditetapkan akan membolehkan universiti berkaitan untuk membuat keputusan-keputusan strategik tanpa perlu menunggu kelulusan daripada agensi pusat dan pihak Kementerian. Dengan kata lain, agensi pusat dan Kementerian telah menurunkan kuasa tertentu kepada Lembaga Pengarah Universiti yang berautonomi dalam menentukan sesuatu keputusan dengan matlamat membolehkan IPTA bergerak secara berkesan demi mencapai agenda kecemerlangan.

Tidak bermakna apabila telah mendapat autonomi, IPTA boleh melaksanakan agenda masing-masing tanpa pengawasan daripada agensi pusat dan pihak Kementerian. Tanggungjawab tersebut masih perlu dipatuhi dalam beberapa perkara tertentu dan semestinya IPTA juga perlu bertanggungjawab terhadap prestasi yang dicapai. Ketelusan lebih tinggi dalam pencapaian prestasi akan memudahkan kerajaan membuat penambahbaikan dan memberi sokongan dalam bidang diperlukan.

Proses penubuhan jawatankuasa yang berkaitan telah pun mula digerak sejak bulan Mei 2013, disusuli dengan beberapa siri mesyuarat dan bengkel yang diadakan selepas itu untuk merealisasikan hasrat universiti. Bahagian Dasar Dan Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar yang bertindak sebagai sekretariat bagi audit kesediaan autonomi juga telah mengadakan lawatan ke beberapa buah universiti yang telah pun mendapat autonomi bagi mendapatkan pandangan dan kaedah terbaik untuk menjayakan audit autonomi ini.

Keluarannya kali ini juga ingin mengajak pembaca semua untuk mendapatkan pengetahuan dan berita terkini yang dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar. Antara yang menarik adalah siri ceramah yang dianjurkan dengan Kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar dan Y.Bhg. Datuk Dr. Fadzilah Kamsah. Semoga Keluaran TERAS ini akan sentiasa memberi manfaat kepada semua warga universiti khususnya dan pembaca daripada institusi pengajian seluruh negara amnya. Terima kasih juga kepada rakan-rakan daripada IPTA, Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh negara yang memberi input dan pandangan yang berguna kepada kami untuk meningkatkan lagi mutu penerbitan buletin ini.

Selamat membaca. Wassalam.

*Masdzarif Hj. Mahat*

# Pengambilan staf pentadbiran

## Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka

:: info ::

:: oleh: Nur Fazilah Bt Mohd Kassim ::

PENDAHULUAN

Unit Perjawatan Pentadbiran sedang dalam proses pengambilan staf pentadbiran dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana bagi mengisi kekosongan jawatan menerusi beberapa sesi iklan yang telah dibuka bagi tahun 2013. Sehingga kini sebanyak 21 jawatan telah dilaksanakan temuduga.

Senarai temuduga yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

**20 FEBRUARI 2013:**

PENOLONG AKAUNTAN GRED W27  
PEMBANTU AKAUNTAN GRED W17  
PEMBANTU MAKMAL GRED C17

**1 APRIL 2013/24 APRIL 2013/1 JULAI 2013:**

PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U29

**1 APRIL 2013:**

PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN GRED U17  
PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U3

**5 APRIL 2013:**

JURUTEKNIK (MEKANIKAL) GRED J17 – FKM  
JURUTEKNIK (MEKANIKAL) GRED J17 - PEJ. PEMBANGUNAN  
JURUTEKNIK (ELEKTRIK) GRED J17 – FKE  
JURUTEKNIK (ELEKTRIK) GRED J17 - PEJ. PEMBANGUNAN

**24 APRIL 2013:**

JURUTEKNIK (PEMBUATAN) GRED J17 – FKP  
JURUTEKNIK (AWAM) GRED J17 - PEJ. PEMBANGUNAN  
JURUTEKNIK (SENIBINA) GRED J17 - PEJ. PEMBANGUNAN

**30 APRIL 2013:**

JURUAUDIT GRED W41

**1 JULAI 2013:**

PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S27  
PEGAWAI PERGIGIAN GRED U48/52  
PEGAWAI PERUBATAN GRED UD47/51/53/54

**22 OGOS 2013:**

PEGAWAI UNDANG GRED L48  
PEGAWAI UNDANG GRED L41

**26 OGOS 2013:**

PEMBANTU TADBIR GRED N17

**19 SEPTEMBER 2013:**

PEMBANTU AKAUNTAN GRED W17

**6 NOVEMBER 2013:**

PEKERJA AWAM GRED R1  
PEMBANTU AM PEJABAT GRED N1  
JURUTEKNIK KOMPUTER FT17  
PEMBANTU AKAUNTAN W17

PROSES PRA TEMUDUGA

Dalam memastikan calon-calon yang dipilih sebelum sesi temuduga adalah berkualiti dan kompeten, Pusat Tanggungjawab (PTj) akan membuat saringan awal calon menerusi permohonan secara online berdasarkan kepada beberapa kriteria yang diperlukan oleh PTj.

Seterusnya saringan kedua akan dibuat oleh Urusetia Unit Perjawatan Pentadbiran bagi memastikan calon yang dipilih adalah layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan lain-lain kriteria yang bersesuaian dengan jawatan yang dipohon.

Selanjutnya, terdapat beberapa jawatan yang akan dilaksanakan Ujian Penilaian bagi mengenalpasti kebolehan, pengetahuan, minat dan kompetensi calon sebelum dipilih ke sesi temuduga.

Antara ujian penilaian yang telah diadakan adalah seperti berikut:

**Jawatan Pembantu Tadbir Gred N17**



Ujian Psikometrik



Ujian Kompetensi Bahasa Melayu



Ujian Kompetensi Bahasa Inggeris dan Ujian Kemahiran Berkomputer


## Jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11

Antara ujian yang dilaksanakan adalah:


1. Ujian Pemeriksaan Kesihatan
2. Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan (UKJK)
3. Ujian Psikometrik
4. Ujian Matematik




Larian 2.4 km



Ujian Matematik



Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan (UKJK)



## TEMUDUGA

### BILANGAN CALON YANG TELAH DILANTIK

Sehingga bulan Oktober 2013, seramai 32 calon telah dilantik menerusi temuduga yang telah diadakan dan seramai 26 orang staf telah melapor diri bertugas dan telah diberikan penempatan masing-masing di PTj menerusi temuduga yang telah dilaksanakan.

## HARAPAN

Pihak Universiti mengucapkan tahniah kepada semua staf yang telah dilantik dan berharap semoga dapat menjalankan tugas dan amanah yang dipertanggungjawab dengan baik demi kemajuan dan pembangunan Universiti keseluruhannya.

Info

# Jom Kita 5S

oleh: Norihan binti Abu Nawar

- SEIRI :: SISIH
- SEITON :: SUSUN
- SEISO :: SAPU
- SEIKETSU :: SERAGAM
- SHITSUKE :: SENTIASA AMAL

Mungkin 5 perkataan di atas sudah terlalu biasa didengari dan dilihat di mana-mana agensi swasta mahupun kerajaan. Kini, Pejabat Pendaftar UTeM sedang mengorak langkah menuju ke arah Persijilan 5S.

Awal tahun 2013, Pejabat Pendaftar telah mengambil inisiatif mewujudkan suasana 5S di kalangan staf Pejabat Pendaftar.

Dengan berpegang kepada dasar 5S Pejabat Pendaftar komited dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif bagi melahirkan staf yang berbudaya kerja cemerlang berlandaskan ciri-ciri Islam.

Objektif 5S pula:-

- Mewujudkan persekitaran tempat kerja selesa, bersih dan selamat
- Meningkatkan produktiviti dan kecekapan staf di Pejabat Pendaftar untuk kepuasan pelanggan
- Mewujudkan kerja berpasukan yang sentiasa mengamalkan penambahbaikan yang berterusan

Projek 5S Pejabat Pendaftar terbahagi kepada 7 zon. Zon-zon ini terdiri daripada Zon Ainun Marwah, Ainun Mardhiyah, Ainun Jamilah, Ainun Maysharah, Ainun Mazrah, Ainun Az-Zahra dan Ainun Fatimah. Nama-nama zon yang cantik ini disyorkan oleh Y.Bhg. Datuk Pendaftar. Memandangkan 5S berkait rapat dengan kecantikan dan keindahan, maka, pemilihan nama-nama sebegini amat sesuai dan digarap dalam nama zon 5S Pejabat Pendaftar.



IKRAR 5S

Maka kami warga kerja Pejabat Pendaftar Universiti Teknikal Malaysia Melaka berikrar untuk mengambil contoh semangat Hijrah dalam Islam supaya dapat berubah dengan mengamalkan dan mengekalkan prinsip 5S di tempat kerja. Kami berjanji untuk menyisihkan sifat mementingkan diri supaya dapat menyusun segala perancangan Pejabat dalam pelaksanaan 5S. Kami juga berjanji untuk menyapu sikap berputus asa dengan menyeragamkan usaha yang berterusan bagi menjadikan 5S sentiasa diamalkan dalam jiwa kami. Kami percaya bahawa setiap usaha murni yang diamalkan dengan niat kerana Allah SWT akan menjadi suatu ibadah yang mulia di sisi Allah SWT.


AMALAN 5S

AMALAN 5S

"Amalan 5S adalah satu konsep bertujuan mewujudkan persekitaran berkualiti secara sistematik dan praktikal. Melalui amalan ini, tempat kerja menjadi lebih teratur dan selesa sepanjang masa. Oleh itu, kerja akan menjadi lebih produktif, cekap, selamat dan menjimatkan kos. Justeru, 5S adalah asas kepada peningkatan kualiti dan produktiviti dan seterusnya menjadikan tempat kerja lebih efisien dan produktif ke arah kecemerlangan Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka"

Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti:-

### 1. PROGRAM SISIH SETIAP ZON





Proses sisih - jual barang-barang yang tidak perlu

Hasil daripada proses sisih dan susun yang telah sedikit sebanyak dilaksanakan.

Nama zon : **Ainun Jamilah**

Nama zon : **Ainun Marwah**

MEJA PEGAWAI



BILIK FAIL

### 2. MAJLIS PELANCARAN AMALAN 5S PEJABAT PENDAFTAR



Pada 6 September 2013 (Jumaat), bertempat di Auditorium Canselori UTeM telah berlangsung Majlis Pelancaran Amalan 5S Pejabat Pendaftar.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Pendaftar sendiri iaitu Datuk Hasan bin Sirun merangkap Penasihat 5S Pejabat Pendaftar. Datuk Hasan bin Sirun dalam ucapan perasmiannya meminta semua warga Pejabat Pendaftar bersatu hati menjayakan 5S ini dan menjadikan 5S sebagai satu ibadah sebagaimana yang disuruh dalam Islam dan bukan suatu amalan atau aturan kerja yang perlu dilaksanakan semata-mata.

Objektif 5S Pejabat Pendaftar ialah mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selesa, bersih dan selamat. Selain daripada itu, ia akan dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan staf Pejabat Pendaftar bagi kepuasan pelanggan. Selain daripada ini, ia juga akan dapat mewujudkan kerja berpasukan yang sentiasa mengamalkan penambahbaikan yang berterusan.

Majlis telah diserikan dengan gimik pelancaran dan tayangan slaid yang memaparkan program 5S iaitu Sisih yang telah dijalankan di tujuh bahagian di Pejabat Pendaftar. Majlis juga disempurnakan dengan penyerahan polisi amalan 5S dan Buku Amalan 5S kepada semua ketua-Ketua Zon. Dua orang staf pula telah menerima hadiah sejumlah RM 100 seorang kerana berjaya dalam penciptaan logo dan slogan 5S iaitu 'Jom Kita 5S'.

### 3. KURSUS 'QUALITY ENVIROMENT MANAGEMENT SYSTEM (QEMS) – INTERNAL AUDIT FOR 5S UTeM'

Mantap dan menepati kehendak peserta-peserta kursus. Itulah kata-kata yang boleh diberikan kepada kursus Quality Environment Management System (QEMS) – Internal Audit For 5S.

Kursus diadakan selama dua (2) hari iaitu pada 13-14 November 2013 bertempat di MITC Melaka. Penceramah yang berpengalaman telah dijemput dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Antara perkara yang disentuh dalam kursus ini ialah, asas-asas pengenalan 5S. Sebagai seorang auditor, pengetahuan mengenai 5S perlu dimantapkan terlebih dahulu. Setelah penerangan mengenai 5S diberikan, kaedah pengauditan pula disentuh. Peserta-peserta telah dibimbing dan diberikan panduan dalam mempelajari kaedah mengaudit sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan.

Kesimpulannya, apa yang penting dalam diri seseorang auditor ialah boleh bersikap terbuka, bersabar dalam melaksanakan pengauditan, mengamalkan 5S sebagai contoh dan tauladan dan auditor perlulah seorang yang membimbing dan bukan seorang yang menjatuhkan.



# UTeM Ke Arah Autonomi

:: info ::

:: oleh: Mohd Hairull bin Abdolah ::

Autonomi membawa maksud penurunan kuasa daripada agensi pusat dan pihak kementerian kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam menentukan sesuatu keputusan dengan matlamat membolehkan IPTA bergerak secara berkesan demi mencapai agenda kecemerlangan.

IPTA perlu bertanggungjawab terhadap prestasi yang dicapai memandangkan sebahagian besar daripada keperluan kewangan dibiayai peruntukan awam. Selain itu, ketulusan lebih tinggi dalam pencapaian prestasi akan memudahkan kerajaan membuat penambahbaikan dan memberi sokongan dalam bidang diperlukan.

Bagi mengukur tahap kesediaan ini, Code of University Good Governance (CUGG) dan University Good Governance Index (UGGI) diguna pakai sebagai instrumen penilaian. Setiap IPTA diaudit mengikut tahap kesediaan dalam pelaksanaan autonomi menerusi pencapaian skor UGGI mengikut empat (4) bidang yang terbabit.

CUGG menyenaraikan prinsip dan amalan tadbir urus terbaik bagi membangunkan sistem dalam IPTA yang mantap dan efisien, manakala UGGI pula instrumen bagi mengukur tahap kesediaan IPTA melaksanakan autonomi dalam empat (4) bidang yang ditetapkan.

Sehingga kini, universiti-universiti yang sudah melalui proses pengauditan badan bebas yang telah dilantik oleh pihak kementerian adalah seperti berikut:-

## (a) Universiti Penyelidikan

Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

## (b) Universiti Komprehensif

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA)

## (c) Universiti Berfokus

Universiti Utara Malaysia (UUM)

## PERSEDIAN

### Persediaan Audit Autonomi UTeM

Rentetan daripada itu, satu bengkel khas mengenai Audit Autonomi UTeM telah diadakan pada 10 Oktober 2013 yang lalu.

Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Naib Canselor UTeM iaitu Y.Bhg Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dan dihadiri oleh semua ketua keempat-empat bidang.

Bengkel ini adalah bertujuan bagi membentangkan hasil dapatan daripada kriteria-kriteria yang dikehendaki di dalam empat (4) bidang tersebut iaitu Tadbir Urus Akademik, Tadbir Urus Institusi, Sumber Manusia dan Kewangan. Audit Autonomi oleh MPC akan dijangkakan pada April 2014.



Kelestarian sesebuah organisasi bergantung kepada warganya yang profesional, berdisiplin, berintegriti, berprestasi tinggi dan bekerja di dalam sebuah pasukan. Warga organisasi yang berkualiti dan berkemahiran tinggi lahirnya daripada staf yang sentiasa meletakkan dirinya di dalam kelompok yang ingin berjaya dan berusaha ke arahnya. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, warga organisasi bertanggungjawab melengkapkan diri ke arah yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Profil pengurusan terbilang ini dapat dibentuk melalui latihan yang berkesan. Menyedari hal ini, Jabatan Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah merencana program **Transformasi Diri Menjadi Warga Kerja Idaman** atau ringkasnya **WAKIM**.

:: info ::



## TRANSFORMASI DIRI MENJADI WARGA KERJA IDAMAN MAJIKAN (WAKIM)

:: oleh: Sahhizam bin Maamin ::


Program ini telah dilaksanakan pada 11 September 2013 dan 8 Oktober 2013 bertempat di Auditorium Pusat Pengajian Siswazah bermula dari jam 8.30 pagi hingga jam 5.00 petang. Seramai 200 orang staf yang terdiri daripada pelbagai gred jawatan telah hadir ke program ini.

Program seharian ini telah menggunakan khidmat penceramah motivasi terkenal Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah bin Kamsah. Ternyata pengalaman yang meluas di dalam bidang motivasi memberikan kelainan dari segi penyampaian dan isi kandungan program, beliau banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat berguna untuk diadaptasi oleh para peserta. Tambah menarik, setiap tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan disandarkan kepada Al Quran, Sunnah dan nasihat ilmuwan Islam.

Pada program ini, peserta diperkenalkan dengan modul bertajuk introspeksi diri dan memahami minda WAKIM pada sesi pertama. Pada sesi ini peserta diajak untuk melihat profil pekerja yang bersyukur dan mengaudit diri untuk membuat anjakan paradigma.

Sesi berikutnya peserta diajak mendalami pakej bersepadu warga kerja idaman yang menerangkan tentang 8 unsur diri, transformasi melalui rutin fitrah dan tindakan serta merta melakukan perubahan. Di sebelah petang peserta dibawa untuk menelusuri konsep 33 langkah bijak menjadi warga kerja idaman majikan dan pada sesi penutupnya penceramah telah membuat rumusan dengan membentangkan **Rangka Tindakan, Penilaian dan Kontrak Diri** melalui sesi "moving forward".

Peserta pada program ini begitu berpuas hati dengan ilmu dan maklumat yang disampaikan oleh penceramah. Semoga ianya berguna dan dapat diamalkan sepertinya pepatah arab "ilmu tanpa amal laksana pohon yang tidak berbuah". Pihak penganjur amat berharap agar setiap peserta dapat mengaplikasikan konsep atau kaedah WAKIM yang diperolehi untuk kebaikan diri khususnya dan organisasi amnya.



# PERINTIS

MENERAJUI PERUBAHAN yang dibangunkan untuk menerapkan kefahaman visi dan misi Universiti kepada staf UTeM kini telah mencapai ke siri 4 dan 5 Tahun 2013. PERINTIS Bil. 4/2013 yang melibatkan 63 orang staf dari Pejabat Bendahari telah diadakan pada 20 – 23 September 2013 manakala PERINTIS Bil. 5/2013 telah dilaksanakan pada 4 – 7 Oktober 2013 yang melibatkan 108 orang staf Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Y. Bhg. Datuk Prof Naib Canselor dalam ucapan perasmianya menjelaskan PERINTIS adalah kesinambungan kepada Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) yang dirangka bagi menterjemahkan secara langsung langkah-langkah strategik yang perlu diambil bagi mencapai keunggulan Universiti.

Beliau juga menjelaskan, PERINTIS adalah program teras universiti yang diuruskan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar dan wajib dihadiri oleh semua warga UTeM.

Dilaksanakan di tempat yang sama iaitu di Bengkel Ko-Kurikulum, Kampus Induk, PERINTIS kali ini telah berjaya menjadi platform kepada semua peserta dalam membentuk pasukan yang unik, berkaliber dan istimewa dengan minda yang kritikal. Sebagaimana biasa, di hari terakhir program PERINTIS, semua peserta telah melibatkan diri dalam penyediaan dan pembentangan projek inisiatif. Sebanyak 18 projek inisiatif telah dibentangkan kepada Y.Bhg. Datuk Prof. Naib Canselor, barisan Panel PERINTIS dan Ketua Pusat Tanggungjawab untuk tujuan pemilihan sebelum dilaksanakan melalui pemantauan yang berterusan.

:: info ::

# Menterjemah Melalui Projek Inisiatif program PERINTIS

Staf Pejabat Bendahari & Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

:: oleh: Mohamad Yusof bin Mohamad Dan ::









# Majlis Konvokesyen Ke-9 UTeM

167 Graduan sulung Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan turut diraikan

**:: info ::**

**:: oleh: Siti Salwah binti Ahmad ::**

Durian Tunggal: Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob selaku Canselor UTeM telah menyempurnakan upacara pelantikan Pro Canselor Kedua UTeM iaitu Y. Bhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh dan seterusnya melaksanakan pengisytiharan pembukaan Majlis Konvokesyen ke-9 UTeM pada 26 - 27 Oktober 2013 yang lalu.

Secara ringkasnya, Y. Bhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh merupakan mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan mantan Ketua Setiausaha Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dan telah memegang pelbagai jawatan sepanjang 36 tahun berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Di dalam ucapannya, beliau menyeru agar para graduan menguasai bahasa kedua atau lebih daripada satu bahasa kerana kemampuan penguasaan pelbagai bahasa akan memberi peluang untuk lebih maju sebagai pemimpin di masa hadapan selain menekankan agar semua graduan memiliki sahsiah terpuji dalam menempuh setiap cabaran yang mendatang.

Pada majlis itu juga, UTeM turut mengiktiraf sumbangan bakti yang telah dicurahkan oleh Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron selaku Ketua Menteri Melaka dan Menteri Mentor UTeM dengan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Kejuruteraan.

Beliau merupakan anak jati Melaka dilahirkan pada 13 Mei 1966. Memiliki Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Texas, Amerika Syarikat dalam bidang Kejuruteraan Elektrik pada tahun 1989. Setelah menamatkan pengajian, beliau mendapat tawaran daripada Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan telah berkhidmat selama 10 tahun sebelum bergerak aktif dalam menyumbang bakti kepada masyarakat secara lebih serius.

Konvokesyen pada kali ini menyaksikan seramai 2,113 graduan telah menerima sijil masing-masing yang merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda serta Diploma termasuk 167 graduan sulung program Ijazah Sarjana Muda daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahwanan (FPTT).




Bilangan Graduan mengikut Fakulti dan Peringkat Pengajian Tahun 2013:

Fakulti	Diploma	Sarjana Muda	Sarjana	PhD
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	65	315	10	0
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	54	314	98	1
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	67	238	5	0
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	89	245	50	0
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	73	269	33	1
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan	0	167	19	0
<b>JUMLAH</b>	<b>348</b>	<b>1548</b>	<b>215</b>	<b>2</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2113</b>			



Dalam ucapan Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, beliau turut melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing serta kepada ibu bapa dan ahli keluarga yang banyak membantu dalam kejayaan ini.

Beliau turut menyentuh mengenai status semasa UTeM dan pencapaian sepanjang tahun 2012/2013. Selain itu, beliau menyampaikan hasrat UTeM agar para graduan dapat mencipta perubahan yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. Mempertahankan sifat integriti dan kesetiaan di mana jua mereka berada seterusnya menanam nilai-nilai murni dan profesionalisme terpuji untuk dijadikan amalan di dalam kehidupan mereka.

Bersempena Konvokesyen Ke-9 ini juga, Pro Canselor Pertama, Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat telah menyempurnakan Majlis Perasmian Pesta Konvokesyen (*Konvo Fest*) yang diadakan pada 25 hingga 27 Oktober 2013 bertempat di perkarangan Dewan Besar UTeM.



Y. Bhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh  
Pro Canselor Kedua UTeM



Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan  
Naib Canselor UTeM

“Kepada Graduan yang telah dididik, diasuh, diperkayakan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran sehingga memiliki ijazah supaya tidak lupa kepada UTeM dan seterusnya menjadikan badan Alumni UTeM sebagai wadah untuk menyumbang bakti kepada generasi UTeM akan datang. Selamat menempuh alam kerjaya. Bagi pihak seluruh warga Universiti, saya mendoakan kesejahteraan dan kejayaan yang berpanjangan. Saya juga berharap agar semua ilmu pengetahuan serta kemahiran yang telah ditimba dan dibekalkan akan dijadikan asas dalam memenangi peluang yang ada sebaik mungkin bagi melonjakkan potensi diri ke arah menjadi insan cemerlang dan terbilang di dunia dan di akhirat.”

# Staf BERJAYA MENAMATKAN PENGGAJIAN

:: oleh: Erdalia Erna binti Daud ::

WAZAH SARJANA

### Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)

#### Nor Azlan bin Mohd Aris (01629)

Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Elektrik) pada 20 Mei 2013 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

#### Mohd Khanapiah bin Nor (01910)

Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Telekomunikasi) pada 11 September 2013 dari Universiti Malaya (UM)

### Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)

#### Zul Hasrizal bin Bohari (02031)

Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Elektrik) pada 4 Oktober 2013 dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

#### Musa bin Yusup Lada (01695)

Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektrik) pada 29 Ogos 2013 dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

### Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)

#### Mohd Taufik bin Taib (01830)

Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal) pada 19 Ogos 2013 Universiti Malaya (UM)

#### Sushella Edayu binti Mat Kamal (01519)

Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Mekanik dan Bahan) pada 29 Mei 2013 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

#### Afiqah binti Hamzah (01695)

Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal) pada 18 Julai 2013 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

### Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)

#### Hanizam bin Hashim (01629)

Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Pembuatan) pada 29 Ogos 2013 dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

#### Mohd Soufhwee bin Abd. Rahman (01707)

Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Pembuatan) pada 29 Ogos 2013 dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

#### Hasrul 'Nisham bin Rosly (01732)

Ijazah Sarjana Sains (Mikroelektronik) pada 25 Julai 2013 dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

### Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)

#### Mohd Azlishah bin Othman (00645)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik pada 16 Julai 2013 dari University of Nottingham, United Kingdom

### Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)

#### Aliza binti Che Amran (00834)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Physics, Electrical and Computer Engineering pada 30 Jun 2013 dari Yokohama National University, Jepun

#### Aminudin bin Aman (00961)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik pada 23 Ogos 2013 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

### Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)

#### Reduan bin Mat Dan (01200)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal pada 24 Jun 2013 dari University of Manchester, United Kingdom

#### Mohd Basri bin Ali (00316)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal pada 5 Jun 2013 dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

#### Nor Azmmi bin Masripan (00642)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal pada 27 September 2013 dari University Nagoya, Jepun

### Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

#### Zurina binti Shamsudin (01124)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Mekanikal pada 26 Julai 2013 dari University of Sheffield, United Kingdom

#### Liew Pay Jun (01178)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sistem Mekanikal dan Reka bentuk pada 25 September 2013 dari Tohoku University, Jepun

#### Effendi bin Mohamad (01071)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal pada 12 September 2013 dari University of Tokushima

#### Suriati binti Akmal (00655)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan pada 24 September 2013 dari Toyohashi University, Jepun

### Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)

#### Mohd Hafiz bin Zakaria (00487)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Information System pada 23 Ogos 2013 dari Queensland University of Technology, Australia

#### Wahidah binti Md. Shah (00188)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains Komputer pada 28 Ogos 2013 dari University of Lancaster, United Kingdom

### Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI)

#### Norliah binti Kudus (00716)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Latihan dan Sumber Manusia pada 25 Julai 2013 dari Universiti Malaya (UM)


#### Mahadi bin Abu Hassan (00568)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pemikiran Islam pada 11 September 2013 dari Universiti Malaya (UM)

#### Zawiah binti Mat (00970)

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Governan Islam pada 11 September 2013 dari Universiti Malaya (UM)

WAZAH DOKTOR FALSAFAH



LANCASTER UNIVERSITY

Selepas tempoh lebih setahun, tarikh viva telah ditetapkan pada 26 Mac 2013. Perbelanjaan ditanggung sendiri dan saya ke Lancaster semula bersama suami dan anak lelaki saya yang ketika itu baru berusia 1 tahun 5 bulan dan masih menyusu badan. Kami bersyukur kerana ramai sahabat yang memberi kami menumpang rumah mereka dan menjamu kami sepanjang kami di sana. Cuaca yang masih sejuk dan bersalji sangat menguji dan membataskan pergerakan kami.

Mock-viva sehari sebelum viva sebenar banyak membantu saya. Viva bermula pukul 9:30 pagi dan berakhir lebih kurang 1:10 tengahari. Sesi viva yang mengambil masa lebih tiga jam terasa sangat berbaloi setelah dianugerahkan PhD dengan enam bulan pembetulan. Terasa hilang semua beban yang dipikul selama ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada suami yang sanggup melepaskan kerjayanya demi menemani saya, anak-anak dan keluarga tercinta, pihak pentadbiran FTMK terutamanya mantan Dekan, Profesor Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, sahabat-sahabat yang sentiasa menjadi pendorong, Bahagian Cuti Belajar, pihak UTeM yang membiayai pengajian saya dan seterusnya semua yang selama ini membantu saya secara langsung dan tidak langsung.

Terima kasih semua !!

Dr. Wahidah Binti Md Shah  
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi  
Lancaster University, UK

Alhamdulillah, setelah hampir 6 tahun, akhirnya saya telah menamatkan pengajian PhD secara rasmi pada 28 Ogos 2013. Pengajian bermula pada 1 Januari 2008 di Lancaster University, UK ditemani suami dan dua anak perempuan yang masing-masing berusia 4 dan 2 tahun ketika itu.

Memulakan tugas sebagai pelajar amat mencabar kerana perlu menjadi isteri dan ummi pada masa yang sama. Kerja 'sekolah' dan kerja rumah perlu dilaksanakan serentak. Ditambah pula cuaca sejuk yang menguji daya ketahanan sistem badan. Walau bagaimanapun, kami beruntung kerana di Lancaster, ukhwh sesama rakyat Malaysia sangat rapat. Secara tidak langsung, apabila saya mengikuti usrah dan ziarah, ia membantu menghilangkan tekanan.


Sekembalinya ke Malaysia pada 1 Julai 2011, saya masih di peringkat penulisan tesis. Saya dan penyelia kerap berhubung melalui skype, dropbox dan emel. Setelah melalui proses yang rumit, tesis berjaya dihantar pada 3 Januari 2012.



rumah kami terletak di atas  
bumbung fakulti

07.11.2016

perjalanan menghantar anak  
mengaji semasa salji



Dr. Mahadi dan Isteri, Dr. Norliah binti Kudus dari PBPI  
berjaya menamatkan pengajian bersama di Universiti  
Malaya (UM)

Dr. Mahadi bin Abu Hassan (00568)  
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan  
PhD (Pemikiran Islam) Universiti Malaya  
11 September 2013

Segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan RahmatNya, saya telah berjaya memperoleh Ijazah Kedoktoran dalam bidang Pemikiran Islam di Universiti Malaya. Ucapan setinggi penghargaan ditujukan kepada pihak UTeM dan Kementerian Pengajian Tinggi kerana menaja pengajian PhD saya.

Tidak lupa juga penghargaan buat semua warga Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, rakan-rakan di PBPI dan seluruh warga UTeM di atas kejayaan saya ini. Buat isteri dan anak-anak serta keluarga tersayang, terima kasih atas iringan doa yang dipanjatkan saban hari tanpa jemu.

Penyelidikan saya bertajuk "Analisis Wacana Pengislaman Sains Dan Paradigma Tauhid Menurut Tokoh Ilmuwan Muslim Terpilih". Sepanjang tempoh pengajian ini, saya turut terlibat aktif sebagai ahli bersekutu Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI). Melalui platform ini juga saya menimba ilmu dan menjalankan kajian lapangan melalui perkongsian wacana atau forum ilmiah yang dianjurkan IIIT, IAIS, ASASI dan ISTAC.

Di sini juga saya sempat berkongsi ilmu daripada beberapa tokoh ilmuwan dan pemikir terkenal seperti Prof. Dr. Syed Mohd Naquib al-Attas, Prof. Dr. Abd Hamid Abu Sulayman, Prof. Dr. Osman Bakar, Prof. Dr. Shahrir Zain, Prof. Dr. Wan Mohd Noor dan ramai lagi.

Saya juga telah membentangkan empat kertas kerja di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Alhamdulillah, kajian yang saya lakukan ini juga telah diterbitkan dalam dua Jurnal berwasit sebagai syarat utama melayakkan saya bergraduat di Universiti Malaya.


Sepanjang tempoh pengajian, banyak suka dan duka, pancaroba serta pengalaman yang dilalui dalam menyempurnakan PhD selama empat tahun ini. Detik-detik ini saya lalui seawal pendaftaran, sepanjang tempoh pengajian, pemeriksaan tesis dan saat paling mengujakan ialah sesi viva dengan pembetulan tesis yang berjaya saya siapkan selama seminggu. Tatkala terpancang naskhah akhir tesis yang telah siap dijilid hard cover, maka hilang segala jerit perih sepanjang proses penyelidikan dan penulisan tesis.

Pengalaman lain ialah perlunya semangat pengorbanan, apatah lagi saya dan isteri juga turut sama melanjutkan pengajian di Universiti Malaya. Dalam kesibukan menyiapkan tesis ini, anak-anak mula bersekolah, maka kesibukan juga bertambah.

Melihatkan wajah anak-anak, semakin kuat azam saya untuk menyiapkan tesis. Saya dan isteri juga sering berbincang dan bekerjasama dalam memberikan semangat sokongan untuk menyiapkan kajian yang dilakukan walaupun berlainan bidang.

Akhirnya, saya mengharapkan semoga kejayaan ini menjadi perangsang kepada semua rakan-rakan lain dan Insha Allah, saya akan turut berkongsi kejayaan ini dalam membantu anak bangsa ke arah kecemerlangan akademik dan pembangunan sahsiah luhur.





**Dr. Mohd Hafiz Bin Zakaria (FTMK)**  
University of Technology, Brisbane  
Australia

Syukur setelah hampir enam (6) tahun menunggu, akhirnya impian untuk menggenggam ijazah Doktor Falsafah tercapai. Tidak ada ungkapan yang dapat menggambarkan kegembiraan saya apabila supervisor mengumumkan berita ini di wall Facebooknya pada September lalu, tidak lain adalah untuk berkongsi cerita kelahiran anak sulung PhD beliau bersama dengan para penyelidik yang lain.

Saya menerima Ijazah Doktor Falsafah dari Queensland University of Technology di Brisbane, Australia dalam bidang *Information System*. Memulakan pengajian di sana pada Februari 2008, ditemani oleh isteri tercinta dan anak sulung berusia setahun.

Kesukaran hidup di bumi asing tidak begitu terasa apabila ada sahaja keluarga dan para pelajar Malaysia di sana yang sering menghulurkan bantuan. Kami menyewa sebuah rumah flat betul-betul di hadapan Sungai Brisbane, dan setiap hari saya akan menaiki feri penumpang untuk ke universiti.

Kos sara hidup di sini sangat tinggi. Selama tempoh tiga tahun setengah, istilah berjimat cermat dan catu-mencatu keperluan harian merupakan ungkapan popular di antara saya dan isteri apabila membeli barang keperluan.

Menuntut di Australia penuh dengan pelbagai pengalaman suka duka yang tidak dapat dilupakan. Antara saat getir yang kami hadapi ialah banjir besar Brisbane apabila sebahagian besar bandaraya ini ditenggelami air.

Hampir dua bulan kami tidak dapat ke universiti kerana sistem perhubungan jalan raya dan kemudahan asas lumpuh sepenuhnya. Kejadian ini meninggalkan kesan yang sangat mendalam kepada kami namun hubungan kami dengan rakyat Malaysia di sini telah menjadi lebih erat.

Pengalaman yang tidak dapat kami lupakan ialah apabila saya dan isteri menimang cahaya mata kedua pada akhir tahun pertama pengajian di Royal Brisbane Children Hospital. Selain itu, menerima lawatan rasmi dan menyusuri sungai Brisbane bersama mantan Naib Canselor, Y. Bhg. Datuk Professor Ismail bin Hassan, mantan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Y. Bhg. Dato' Professor Dr. Abu Abdullah, mantan dekan FTMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin dan Bendahari UTeM, En. Khairul bin Taib ke Queensland University of Technology adalah sesuatu yang sangat bermakna.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada isteri, anak-anak dan keluarga tercinta, mantan Dekan FTMK, Prof. Dr. Shahrin, sahabat-sahabat yang sentiasa mendoakan serta Bahagian Cuti Belajar yang sangat efisien dalam menguruskan keperluan kami. Didoakan semoga Allah mempermudah perjalanan PhD rakan-rakan yang lain di UTeM. Amin.



# PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

## Bil. 1 Tahun 2013

### di UTeM



*:: oleh: Azrina binti Alwi ::*

Modal insan yang berdaya tahan dan kompetitif adalah pra-syarat penting bagi menggerakkan agenda transformasi Kerajaan dengan berkesan untuk mencapai agenda pembangunan negara. Justeru, modal insan sektor awam perlu dibangunkan di peringkat awal pelantikan (dalam tempoh percubaan) secara optimum agar dapat melahirkan pegawai awam yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif yang inginkan kecemerlangan serta memiliki etika dan nilai yang sejajar dengan budaya negara.

Cabaran utama membangunkan modal insan ialah menyediakan latihan yang mampu mentransformasikan minda pegawai awam untuk menjajarkan perlakuan mereka dengan matlamat sebenar perkhidmatan awam dan ekspektasi rakyat agar selari dengan hala tuju negara dan perubahan persekitaran. Perubahan minda yang ingin diterapkan sewajarnya menggalakkan pemikiran yang selari dengan aspirasi negara bagi menghasilkan nilai tambah dalam tugas dan berkeupayaan menyediakan pegawai awam yang membudayakan nilai-nilai murni perkhidmatan awam.

Proses transformasi minda perlu bagi membangunkan modal insan secara holistik, merangkumi keupayaan sahsiah dan intelektual yang mesti dimiliki oleh pegawai awam bagi memandu pemikiran dan perlakuan dalam rutin harian. Program Transformasi Minda (PTM) diperkenalkan sebagai satu pendekatan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam. Mulai 1 Januari 2013, semua perbekalan dalam skim perkhidmatan mengenai keperluan hadir dengan jaya Kursus Induksi sebagai syarat pengesahan dalam perkhidmatan adalah dipinda dan digantikan dengan PTM.

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), tidak terkecuali dari tuntutan menganjurkan Program Transformasi Minda bagi menggantikan Kursus Induksi kepada staf baharunya. Pada 28 Oktober hingga 1 November 2013 bertempat di Pusat Konvensyen Kampus Bandar, Unit Pengesahan Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar buat pertama kalinya telah menganjurkan Program Transformasi Minda Bil. 1 Tahun 2013 bagi Staf UTeM yang belum disahkan perkhidmatannya.

#### Objektif PTM adalah untuk:

**a** memberi pendedahan kepada pegawai mengenai konsep kenegaraan, prinsip dan falsafah pembentukan negara, sistem pentadbiran kerajaan serta peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam;

**b** memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotisme pegawai supaya lebih berketerampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam;

**c** menerapkan nilai budaya kerja cemerlang agar pegawai dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap serta berkesan; dan

**d** menyediakan pegawai dengan minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah negara maju.



Penganjuran kali pertama sepanjang lima (5) hari berkursus ini, melibatkan seramai 45 orang peserta yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan juga Kumpulan Pelaksana. Penceramah-penceramah yang terlibat juga terdiri dari pelbagai agensi antaranya Biro Tatanegara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Majlis Keselamatan Negara serta pihak Jabatan Perkhidmatan Awam serta Penceramah dalam UTeM.



PTM



Sekalung tahniah kepada semua staf kursus serta pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang menjalankan program ini hingga jayanya.



PTM

info

# CPD Professional Development

NO	TAHUN	UNIT KOMPETENSI	TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015
1	2013	1	2013	2014	2015
2	2013	2	2013	2014	2015
3	2013	3	2013	2014	2015
4	2013	4	2013	2014	2015
5	2013	5	2013	2014	2015
6	2013	6	2013	2014	2015
7	2013	7	2013	2014	2015
8	2013	8	2013	2014	2015
9	2013	9	2013	2014	2015
10	2013	10	2013	2014	2015
11	2013	11	2013	2014	2015
12	2013	12	2013	2014	2015

oleh: Hazrin binti Kasim

- ✓ Berdasarkan rekod permohonan mata CPD yang diperolehi oleh Unit Kompetensi, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, rata-rata staf (staf yang layak) tidak membuat permohonan mata CPD bagi aktiviti seperti kursus jangka panjang bagi pengajian lanjutan melebihi 12 bulan dan penggiliran kerja/penggiliran jawatan pentadbiran.
- ✓ 12 mata di bawah kompetensi khusus bagi aktiviti latihan akan diberikan kepada staf yang tamat mengikuti pengajian lanjutan melebihi 12 bulan (Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda, Diploma dan Sijil) sekiranya staf tersebut membuat sesi pembentangan yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan masing-masing dalam tempoh 6 bulan dari tarikh akhir sijil dikemukakan ke Universiti.
- ✓ Staf perlu mengisi borang sesi pembentangan dan menyertakan sesalinan bahan pembentangan kepada Unit Kompetensi untuk tujuan melengkapkan permohonan mata CPD.
- ✓ Kumpulan Pentadbir & Kumpulan Pelaksana yang digilirkan dari PTJ / Bahagian / Jabatan di UTeM layak menuntut mata CPD sekiranya staf tersebut terlibat dengan projek inovasi / penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan / mengetuai sesuatu program.
- ✓ Penggiliran jawatan giliran pentadbiran seperti Naib Canselor / Timbalan Naib Canselor / Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan / Ketua Makmal / Felo / Pengetua Asrama, boleh memperoleh mata CPD dengan syarat tempoh penggiliran yang diambil kira sekurang-kurangnya 1 tahun.
- ✓ Staf perlu melengkapkan borang Pengesahan Mata CPD Penggiliran Kerja dan diperaku oleh Pegawai Penilai Pertama bagi memperoleh 3 mata CPD di bawah aktiviti sesi pembelajaran.
- ✓ Aktiviti Bengkel kerja akan diberikan mata CPD di bawah kategori Sumbangan Di Luar Tugas sekiranya tidak berkaitan dengan bidang tugas dan staf tersebut mempunyai kepakaran / pengalaman dalam bidang tersebut dan layak diberi kepada peserta yang hadir 80% dalam bengkel tersebut.

**INFO:**  
 Seajar dengan pemansuhan PTK, Unit PTK dibuat penjenaman semula kepada **Unit Kompetensi**.  
 Maklumat lanjut hubungi:  
 Hazrin binti Kasim, 331 6168  
 Mohd Faiz bin Zulkifli, 331 6174  
 Khairul Izam bin Harun, 331 6176

# highlight CPD

Perkara	Aktiviti
Kursus (Umum & Khusus)	<b>1. Kursus Jangka Panjang (pengajian lanjutan)</b> (Pengajian Lanjutan - > 12 bulan)  Contoh:- i. Doktor Falsafah ii. Sarjana iii. Sarjana Muda iv. Diploma v. Sijil (kemahiran + melebihi 1 tahun + jam kredit + ada penilaian + diiktiraf (ILP/ Politeknik/Kolej Komuniti/ASWARA/FINAS)
	2. Kursus Jangka Sederhana (3>12 bulan) atau 3. Kursus Jangka Pendek (< 3 bulan)
	4. Perkongsian Ilmu 5. Pembelajaran Berasaskan Kerja a. Peminjaman <b>b. Penggiliran Kerja/Penggiliran jawatan pentadbiran</b> c. Lawatan Rasmi 6. Inovatif/Kreatif
Pengembangan Ilmu & Kemahiran	
Kegiatan Di Luar Tugas Rasmi	<b>7. Bengkel Kerja</b> 8. Khidmat Kepakaran 9. Jawatankuasa/Sukan/Bakat

- Pada tahun semasa sahaja.  
- Berkaitan dengan bidang tugas/pengkhususan.  
- Tempat pengajian diiktiraf.  
- Mata CPD diberi setelah diluluskan oleh Senat dan membuat pembentangan kepada Ketua Jabatan.  
**12 mata khusus, mengisi Borang Sesi Pembentangan**

**Penggiliran Kerja**  
- Kumpulan Pentadbir @ Pelaksana yang digilirkan dari PTj/Bahagian.  
- Telah melaksanakan projek inovasi, penambahbaikan, mengetuai sesuatu program.

**Penggiliran Jawatan**  
- Staf yang dilantik menjawat jawatan pentadbiran (NC, TNC, Dekan, Pengarah, KJ, TD, Ket. Makmal, Felo, Pengetua).  
- Tempoh penggiliran sekurang-kurangnya 1 tahun.  
**3 Mata, mengisi Borang Penggiliran Kerja**

- Diberi mata jika tidak berkaitan dengan tugas dan mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.  
- Bengkel di peringkat PTj sendiri dan bengkel melibatkan Pengurusan Tetinggi dan Pegawai Kanan Universiti diberi mata Sesi Perkongsian Ilmu.  
**Mata CPD diberi mengikut Peringkat Bengkel dianjurkan.**

# INTERNATIONAL OUTREACH PROGRAMME

## =STRATEGIC LEADERSHIP (IOP 2013)=

DI AUSTRALIA, 22 HINGGA 28 SEPTEMBER 2013

:: oleh: Azhar bin Mohd Salleh ::

Kepimpinan strategik pada masa kini telah digunakan secara meluas sebagai satu pendekatan baru bagi meningkatkan prestasi dan mengekalkan prestasi sesebuah organisasi.

Setiap pemimpin ingin membuat keputusan bijak dengan melakukan perkara yang betul pada masa, tempat, kos dan orang yang tepat pada kali pertama melakukan. Dua aspek penting yang diberikan penekanan iaitu perancangan dan pengurusan strategik yang akan meneroka kepentingan dan semua fakta penting dalam perlaksanaannya.

Oleh itu, dalam memastikan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mempunyai bakat kepimpinan strategik, UTeM telah menghantar seramai empat (4) orang pegawai ke program "International Outreach Programme (IOP) 2013-Strategic Leadership" iaitu Encik Abdul Wahab bin Harun, Encik Bakri bin Abu Bakar, Encik Samsul bin Samdin dan Encik Azhar bin Mohd Salleh.

Program anjuran Pusat Inovasi & Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA), Universiti Sains Malaysia (USM) ini telah melibatkan peserta-peserta dari Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan juga agensi-agensi kerajaan iaitu seramai 25 orang peserta telah terlibat di dalam program IOP 2013 yang berlangsung dari 22 hingga 28 September di Perth, Australia.

Program yang diadakan di Mandurah Performing Art Center, Perth bermula dengan aktiviti sesi bergambar dengan Mayor City of Mandurah iaitu Mayor Paddy bersama penceramah iaitu Stephen Barton. Sebaik selesai sesi bergambar, para peserta diteruskan dengan sesi memperkenalkan biodata penceramah, penerangan perjalanan dan pengisian program IOP 2013 yang disampaikan oleh pihak urusetia iaitu Cik Nurul Nur Farhana Yahya.

Pendekatan yang digunakan oleh Stephen Barton semasa sesi IOP berlangsung melalui pendekatan sesi ceramah, sesi perbincangan kumpulan dan persembahan kumpulan serta pendekatan secara "hands-on" telah memberi peluang kepada para peserta memahami bentuk-bentuk teori kepimpinan strategik dapat difahami dengan lebih mudah.

Program ini telah memberi peluang kepada peserta untuk memahami berkaitan kepimpinan strategik yang mana di akhir program, para peserta dapat memahami perbezaan antara kepimpinan dan kepimpinan strategik serta dapat membuat keputusan yang lebih bijak di dalam mengurus sesebuah organisasi. Program ini juga telah membolehkan peserta berkongsi pengetahuan, kemahiran dan pengalaman melalui aktiviti perbincangan dalam kumpulan bersama fasilitator dan pembentangan kumpulan.

Melalui kaedah ini, peserta dapat belajar prinsip-prinsip teori dikemukakan melalui teknik dan konsep yang betul. Kandungan program meliputi prinsip kepimpinan, perbezaan antara kepimpinan dan kepimpinan strategik, hubungan strategi dan tindakan, memahami gaya personaliti yang berbeza untuk memimpin, kecekapan kepimpinan dan memahami bagaimana untuk berjaya memperkenalkan perubahan dan mengatasi ketakutan dan rintangan.

Para peserta telah diberi beberapa model/teori dalam pendekatan kepimpinan strategik dalam menguruskan organisasi di antaranya pendekatan Burns & Bass telah mengenal pasti 4 kunci kejayaan kepimpinan dan pendekatan teori Fayol's memberi lima (5) strategi pengurusan.

### Pendekatan Kepimpinan Strategik Burns & Bass



## Pendekatan Kepimpinan Strategik Fayol's

1 Mempunyai Perancangan Yang Sistematis

2 Mempunyai Kebolehan Mengurus

3 Mempunyai Kakitangan Yang Bermotivasi

4 Mempunyai Matlamat Yang Jelas

5 Mempunyai Kawalan Dalam Organisasi



Untuk memberi pemahaman yang lebih kepada para peserta, penceramah telah memberi "case study" iaitu melalui syarikat penerbangan Australia, iaitu Qantas di mana syarikat yang berpangkalan di Queensland ini mempunyai seramai 32,500 pekerja, mempunyai 182 laluan penerbangan melibatkan 44 buah negara dan pada tahun 2009, syarikat ini telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak AUD \$181 juta dan mempunyai 252 buah pesawat menjadikan syarikat penerbangan Qantas antara yang terbaik di dunia.

Qantas telah menggunakan pendekatan perkongsian visi dan misi syarikat dengan semua staf, menjaga kebajikan staf dan menyediakan peluang kerjaya yang lebih terbuka dan yang paling penting soal keselamatan penumpang diutamakan. Ini telah membina keyakinan kepada penumpang untuk menggunakan syarikat penerbangan Qantas. Strategi yang digunakan oleh syarikat tersebut adalah:

1 Keselamatan penumpang diutamakan

2 Menggunakan pesawat yang betul dan laluan yang betul

3 Perkhidmatan pelanggan yang baik dan cemerlang

4 Operasi yang berkesan

5 Kekuatan jenama

Oleh itu melalui situasi ini, para peserta telah mendapat pengalaman dan pemahaman ilmu bagaimana untuk menjadikan organisasi berjaya, perlu ada strategi yang betul pada masa yang betul dan kejayaan akan dapat dicapai yang mana akhirnya kejayaan ini akan dapat membina keyakinan kepada pelanggan kita dan secara tidak langsung proses kekuatan penjenamaan organisasi kita akan terbina dan diyakini.

## PENGALAMAN DARI AKTIVITI LAWATAN

Selain daripada aktiviti sesi ceramah, para peserta juga telah dibawa melawat ke beberapa lokasi yang menarik seperti ke Swan Valley iaitu perkampungan tanaman anggur, Caversham Wildlife Park iaitu taman perlindungan haiwan seperti kangaroo dan beruang koala serta demonstrasi mencukur bulu biri-biri.

Peserta juga diberi peluang melawat kilang coklat, rumah lebah, taman botanikal Araluen yang dipenuhi dengan bunga tulip yang berwarna-warni dan segar serta melihat produk-produk kraftangan di Fremantle Market. Apa yang dapat dilihat melalui lawatan ini, kehidupan masyarakat di sini penuh dengan disiplin, sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan dan dapat dilihat juga yang masyarakat mereka seolah-olah sentiasa mengejar masa di dalam kehidupan.



Dari segi perkhidmatan pengangkutan awam, masyarakat mereka lebih menggunakan pengangkutan awam seperti bas, teksi dan keretapi dan jika diperhatikan, perkhidmatan awam mereka amat berkesan kerana keutamaan dari segi laluan disediakan khusus disamping menepati masa. Oleh itu, masyarakat mereka lebih mudah menggunakannya untuk ke sesuatu destinasi, dalam erti kata lain tiada kesesakan kenderaan di bandar.


Keadaan kawasan persekitaran perumahan dan perniagaan sentiasa dijaga dalam keadaan bersih dan masyarakatnya sentiasa mematuhi peraturan yang dikuatkuasakan dan ini membolehkan kehidupan bermasyarakat dapat dinikmati dengan harmoni dan teratur.



Oleh itu sebagai kesimpulan dari program IOP 2013, banyak ilmu dan pengalaman yang diperolehi baik dari segi input-input penceramah, perkongsian pengalaman antara penceramah, fasilitator dan peserta, nilai-nilai murni kehidupan bermasyarakat, cara bekerja dan semua ilmu dan pengalaman ini dapat dipraktikkan semasa menguruskan organisasi di pejabat serta dapat dikongsi bersama dengan rakan-rakan sejawat.

Untuk memastikan segala perancangan dapat direalisasikan, setiap dari kita perlu mempunyai perancangan dan deria mendesak untuk melaksanakan sesuatu matlamat agar visi dan misi organisasi akan tercapai.

Dikesempatan ini saya merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Y.Bhg. Datuk Naib Canselor, Dekan FTK dan Pendaftar yang memberi peluang kepada saya sebagai pentadbir untuk menyertai program IOP 2013. Program ini banyak memberi saya pendedahan tentang proses belajar, mendalami ilmu dan perkongsian pengalaman yang boleh disesuaikan dengan budaya kerja kita bagi menjadikan UTeM sebuah organisasi yang cemerlang dan gemilang.



# UTeM CATAT KEMASUKAN 3,022 PELAJAR BAHARU SESI AKADEMIK 2013/2014

Sistem pendaftaran pelajar baharu lebih terkini, teratur, cepat dan efisien

:: oleh: Mahathir bin Mazizan ::

DURIAN TUNGGAL – Seramai 3,022 pelajar telah hadir mendaftar secara rasmi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi Sesi Akademik 2013/2014 baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 309 orang adalah pelajar program Diploma manakala 2,713 orang lagi merupakan pelajar program Ijazah Sarjana Muda yang mengikuti pengajian di tujuh (7) buah fakulti pengajian di UTeM sama ada di dalam bidang Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Teknologi Pengurusan.

Pendaftaran pada tahun ini telah berjalan dengan lancar serta bersistematik. Apa yang membanggakan, universiti juga berjaya memperbaiki proses sistem pendaftaran yang mana ianya lebih terkini, teratur, cepat serta efisien dan hanya mengambil masa selama 5 minit bagi seseorang pelajar untuk menyelesaikan segala urusan pendaftaran berkaitan.

Pelbagai maklum balas yang sangat positif diperolehi daripada ibu bapa yang berpendapat inilah yang harus dilaksanakan oleh sebuah universiti, apatah lagi bagi sebuah universiti teknikal yang sentiasa mementingkan kecekapan dan keberkesanan di dalam segala tugas yang dijalankan terutamanya di dalam sistem pentadbiran.

Tahun ini juga UTeM turut menerima bilangan pelajar teramai iaitu seramai 3,022 orang iaitu mencatat nisbah pendaftaran sebanyak 98% dan merupakan antara nisbah penerimaan yang paling tinggi sejak awal penubuhannya.

Peningkatan bilangan pelajar ini telah membuktikan bahawa sistem pendidikan serta kemudahan pengajian yang disediakan di institusi ini mendapat perhatian serta kepercayaan masyarakat khususnya di kalangan ibu bapa dan juga para pelajar.

“  
Biarpun menghadapi persaingan dengan institusi pengajian tinggi yang lain, UTeM terus mendapat kepercayaan ibu bapa dan pelajar untuk melanjutkan pengajian berikutan keunikan program akademiknya yang mempraktikkan sistem pembelajaran dan pengajaran berkonsepkan teknikal dan menepati keperluan industri”

**Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan**  
Naib Canselor UTeM

# Latihan Sangkut Kakitangan

Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

:: oleh: Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin ::



Penyampaian cenderahati Oleh Timbalan Pendaftar, Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan kepada Puan Norrulfilzah

Pada 14 dan 15 November 2013, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima seorang staf Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk menjalani latihan sangkutan (kakitangan) di Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar.

Puan Norrulfilzah binti Shahari, Penolong Pendaftar, Bahagian Governan dan Pentadbiran Am (Unit Governan) Pejabat Pendaftar, USIM telah menjalankan latihan sangkutan di Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan bagi tempoh dua hari. Latihan sangkutan ini bertujuan untuk mendapatkan beberapa maklumat berkenaan skop kerja berkaitan sebagai penanda aras kualiti serta memberikan pendekatan berinovatif dalam menambahbaik sistem operasi dan kualiti sistem penyampaian. Ketibaan beliau di Pejabat Pendaftar UTeM telah disambut oleh Timbalan Pendaftar, Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan, Encik Masdzarif bin Mahat.

Dalam tempoh tersebut, beliau telah didedahkan dengan proses kerja dan prosedur pelaksanaan pelbagai unit di Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan. Pada hari pertama, beliau telah meninjau dan didedahkan dengan dengan fungsi dan peranan Unit Jaminan Kualiti (UJK) yang memfokuskan proses kerja berkenaan pelaksanaan dan pengurusan pendokumentasian ISO serta pemantauan Manual Proses Kerja (MPK) Universiti.

Di samping melihat dengan lebih dekat proses kerja di UJK, beliau turut berpeluang bertukar-tukar pendapat dan idea bersama Ketua Unit UJK iaitu Cik Laila Zahidah binti A. Rahman.

Sesudah itu, beliau seterusnya telah melihat dengan lebih dekat fungsi Unit Permesyuaratan Utama (UPU). Perkara yang telah dikongsikan bersama ialah berkenaan pelaksanaan dan pengurusan governan UTeM, pengurusan pekeliling dan perjalanan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Universiti.

Pada hari kedua, latihan sangkutan diteruskan ke dua (2) unit yang lain iaitu Unit Prestasi dan Inovasi (UPI) serta Unit Keutuhan Pengurusan (UKP). Pelbagai skop kerja telah dibincangkan bersama antaranya adalah berkenaan pengurusan Buletin Teras, Pejabat Pendaftar, Pengurusan Laman Web Pejabat Pendaftar, Pengurusan Piagam Pelanggan Pejabat Pendaftar, Pengurusan Darjah, Pingat Kebesaran Persekutuan/Negari serta Pengurusan Struktur Organisasi Pejabat Pendaftar.

Ternyata sepanjang tempoh tersebut telah digunakan dengan sebaik mungkin oleh beliau untuk menggarap sebanyak mungkin maklumat di samping membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan antara dua (2) universiti. Pada hari kedua tersebut juga, beliau telah dibantu oleh Ketua Unit UPI dan UKP iaitu Puan Norihan binti Abu Nawar dan Encik Mohd Hairull bin Abdollah.

Sebelum melangkah pulang, Puan Norrulfilzah binti Shahari telah berkesempatan untuk bertemu dan beramah mesra dengan Pendaftar UTeM iaitu YBhg. Datuk Hasan bin Sirun. Latihan sangkutan ini telah diakhiri dengan penyampaian cenderahati oleh Timbalan Pendaftar, Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan.

Semoga latihan sangkut ini sedikit sebanyak telah memberikan panduan yang lebih jelas di samping dapat menjana idea-idea bernas kepada Puan Norrulfilzah binti Shahari sebagai wakil USIM demi mempertingkatkan kecemerlangan sistem penyampaian dan perkhidmatan di USIM secara khususnya dan Institusi Pengajian Tinggi Awam secara umumnya.

Pejabat Pendaftar UTeM mengucapkan terima kasih di atas kesudian pihak USIM untuk menjalankan latihan sangkut di Pejabat Pendaftar, UTeM. Semoga ilmu yang dikongsi tersebut dapat diterjemahkan sebaik mungkin demi kemajuan bersama kedua-dua buah universiti.

“Program ini telah memberikan pendedahan kepada staf pentadbiran USIM mempelajari amalan terbaik dan menimba kepakaran agensi Kerajaan/Swasta berkaitan untuk menjadi tanda aras peningkatan kualiti serta memberi peluang pendekatan kepada staf supaya lebih berinovatif dalam menambahbaik sistem operasi dan penyampaian. Secara keseluruhannya, banyak ilmu pengetahuan yang saya perolehi untuk saya memperkemas lagi sistem sedia ada. Kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua staf di Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar, UTeM sepanjang saya di UTeM amat saya hargai”

Puan Norrulfilzah binti Shahari



# MS ISO 9001:2008 PEJABAT PENDAFTAR

## Pelaksanaan AUDIT PENGAWASAN 2 (Surveillance Audit 2) BAGI TAHUN KEDUA – 2013

Oleh : Badan Persijilan Bureau Veritas Certification (M) Sdn Bhd

:: oleh: Laila Zahidah binti A. Rahman ::

September 2013 – Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah diaudit oleh Badan Persijilan Bureau Veritas Certification (M) Sdn Bhd pada 12 dan 13 September 2013.

Perjalanan audit ini telah dipandu oleh Encik Saiful Nazrin Abd Rashid yang merupakan Ketua Juruaudit yang telah dilantik oleh pihak Bureau Veritas Certification (BVC).

Terdapat empat (4) Bahagian Pejabat Pendaftar yang diaudit dalam tempoh dua (2) hari audit ini berlangsung. Jumlah keseluruhan Proses Kerja (PK) daripada empat (4) Bahagian ini ialah sebanyak 23 Proses Kerja (PK).

Bahagian yang terlibat ialah Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan (BDQ), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Bahagian Cuti Belajar (BCB) dan Bahagian Kesejahteraan Personel (BKPs).

Dapatan Surveillance Audit 2 bagi tahun kedua, MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar dengan skop audit "Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia", telah membuktikan bahawa Pejabat Pendaftar berjaya mengekalkan kualiti dari segi pengurusan dan perkhidmatan.

Ini sejajar dengan visi Pejabat Pendaftar: **Menjadi Pusat Rujukan dan Kecemerlangan Tadbir Urus Sumber Manusia Universiti**, apabila badan persijilan ini memutuskan bahawa Pejabat Pendaftar berjaya untuk mengekalkan persijilan ini dengan memperbaharui sijil tersebut yang akan tamat pada 11 Oktober 2014.

Antara laporan daripada pihak BVC menyatakan staf dan Pengurusan Pejabat Pendaftar telah menunjukkan komitmen yang tinggi ke arah peningkatan berterusan.

Secara tidak langsung ia menyokong Laporan Audit Dalam MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar bagi tahun 2013 iaitu telah menunjukkan usaha yang baik dalam pelaksanaan SPK yang didokumenkan selaras dengan MS ISO 9001:2008 dan secara amnya.

Didapati juga, kebanyakan proses yang dijalankan di Pejabat Pendaftar memenuhi keperluan prosedur kerja dan peraturan yang berkaitan.



Sekalung penghargaan kepada semua staf Pejabat Pendaftar yang telah membantu dan berusaha ke arah mengekalkan Persijilan MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar

MS ISO 9001:2008

# Senyumlah duhai diri

:: oleh: Muhamad Hazrul bin Md Esa K.B, PA (Mal) ::

## #5 SENTIASALAH TERSENYUM

SENTIASALAH TERSENYUM



Senyum indah suria yang membawa cahaya.  
Senyumlah dari hati duniamu berseri.  
Senyum umpama titian dalam kehidupan.  
Kau tersenyum kutersenyum kemesraan menguntum.  
Senyum kepada semua.  
Senyumanmu amatlah berharga.  
Senyum membahagiakan.  
Dengan senyuman terjalinlah ikatan.

Bait-bait lagu di atas seperti sudah sinonim dengan kita di Malaysia. Dari seawal kita di sekolah, sudah terbiasa dengan lagu ini. Bait-bait liriknya mudah difahami. Namun, berapa ramai dari kita yang cuba mempraktikkannya dalam kehidupan seharian?

Alasannya, sukar. "Ahh.. kalo dah hati panas, apa pulak nak senyum-senyum. Takde makna nak senyum-senyum bagai kalau masalah tak pernah nak selesai, tak pernah nak habis". Dan pelbagai lagi alasan untuk kita mengelak dari melakukan satu benda mudah yang memberi impak besar, bukan hanya pada diri kita, tapi kepada orang sekeliling kita.

Senyumlah seawal anda bangkit dari tidur. Ucapkanlah rasa syukur atas nikmat umur yang dikurniakan dan tersenyumlah. Senyum di awal hari anda mampu memberikan aura positif yang mewarnai hari tersebut.

Ketika melihat wajah di cermin, senyumlah pada diri sendiri. Senyuman itu mampu mencerikan lagi hari anda. Senyum juga memberikan kebaikan dari aspek kesihatan. Senyum mampu mengurangkan rasa sakit fizikal serta mengawal emosi negatif. Ia juga berupaya merendahkan tekanan darah serta mampu meredakan tekanan.

Rasulullah SAW juga menganjurkan kita untuk sentiasa tersenyum seperti Baginda. Wajah Baginda yang sentiasa dihiasi dengan senyuman mendamaikan setiap yang memandangnya. Senyuman Baginda menumbuhkan harapan, menghilangkan sikap keras hati.

Rasulullah SAW bersabda, "Senyum kalian bagi saudaranya adalah sedekah, beramar makruf dan nahi mungkar yang kalian lakukan untuk saudaranya juga sedekah, dan kalian menunjukkan jalan bagi seseorang yang tersesat juga sedekah." (HR Tirmizi dan Abu Dzar).

# Senyumlah duhai diri

## #6 HINDARILAH DARI RASA TERTEKAN

HINDARI RASA TERTEKAN

"Kau tengok la Boss kita tu, awal-awal pagi masuk pejabat muka dah muncung sedepa. Boleh sangkut hanger dah."

"Alah, stress kat rumah la tu, bawak masuk pejabat sekali."

Biasakan perkara sebegini terjadi di sekeliling kita? Ahh.. tak perlulah kata di sekeliling kita, Kita sendiri pun biasa berkelakuan begitukan? Awal-awal pagi muka dah monyok. Muncung sedepa. Orang-orang dulu kata muka tak jemput rezeki. Kenapa perkara sedemikian terjadi?

Kenapa terlalu awal untuk kita rasa tertekan dan mengheret emosi negatif tersebut sehingga ke malam hari? Adakah kita tiada pilihan untuk bergembira dan tersenyum riang walaupun dugaan dan masalah tak henti melanda? Ya, memang sukar tertawa di saat duka, tapi tidak mustahilkan?

Sebenarnya, untuk memastikan bahawa hari kita akan berlalu dengan baik dan gembira, sentiasa pastikan bahawa 3 jam pertama selepas kita bangun dari tidur, emosi kita sentiasa dalam keadaan positif, gembira.

Mulakan hari dengan momen-momen gembira seperti bergurau dengan anak-anak suami atau isteri, menyanyi dalam kereta ketika ke tempat kerja, puji diri di hadapan cermin dan pelbagai lagi cara untuk menimbulkan rasa positif.

Apabila berhadapan dengan masalah atau situasi yang mengganggu emosi di awal hari, sentiasalah berfikir positif, kawal emosi, fikirkan sesuatu yang baik. Contohnya, ketika sedang memandu dalam barisan, kereta anda dipotong oleh sebuah kereta yang tidak berbaris. Stress bukan? Tentunya kita terdorong untuk menyumpah seranah dan memaki hamun kerana merasakan bahawa kita betul.

Bukankah perlakuan tersebut membawa kita kepada emosi yang negatif. Rasa geram yang membuak-buak. Pasti emosi tersebut kekal dalam hati hingga kita tiba di pejabat nanti.

Apalah agaknya respon rakan-rakan pejabat bila melihat riak wajah kita yang menahan rasa geram? Mungkin ada di antara mereka yang terkesan. Mungkin ada yang terasa kerana cuba bertegur sapa tetapi dibalas dengan wajah menahan geram.

Bukankah kita boleh memilih untuk berfikir positif. "Emm... mungkin dia tergesa-gesa, mungkin sakit perut mahu ke tandas. Sebab itulah dia potong barisan." Nah, andai ini yang kita fikir, tiadalah emosi negatif yang akan hadir walaupun hakikatnya kita dipotong ketika memandu dalam barisan. Justeru, ayuhlah kita hindarkan diri dari merasa tertekan.

# Coretan Aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personal

Tarikh : Khamis, 18 Julai 2013  
Program : Motivasi Bulanan  
Tajuk : Soalan Bocor Dari Kubur  
Skop Kupasan : Mengupas Persoalan Alam Barzakh  
Penceramah : Prof. Madya Hj. Rasid bin Muhamad (UiTM Pahang)  
(Penulis buku Soalan Bocor Dari Kubur)

Firman ALLAH S.W.T yang bermaksud:  
Setiap yang hidup pasti akan merasai mati.  
- Surah al-Imran: 185

:: oleh: Muhamad Hazrul bin Md Esa K.B, P.A (Mal) ::

1 Tarikh : Rabu, 26 Jun 2013  
Program : Motivasi Bulanan  
Tajuk : Positiflah Sikit  
Skop Kupasan : Motivasi Diri  
Penceramah : Encik Muhammad Rozi Bin Harun (Destiny Nasyeed and Motivation Sdn Bhd)

Dalam menghadapi kehidupan seharian yang semakin hari semakin mencabar ini, kita seringkali tertewas mengawal emosi. Sesuatu yang berlaku gagal kita rungaikan dan simpulkan dengan positif. Kita terdorong untuk merasa negatif atas setiap dugaan yang kita hadapi. Andai ada sedikit aspek positif, langsung kita ketepikan. Akibatnya, timbul rasa marah, dendam, sakit hati kecewa dan sebagainya. Lebih parah apabila emosi-emosi negatif ini tidak mampu dibendung lalu terhambur pada insan yang tidak sepatutnya, terutamanya anak-anak.

Justeru, sentiasalah berfikir positif atas setiap yang berlaku. Terima sesuatu itu dengan redha dan sentiasa ingat bahawa setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Setiap yang pahit pasti ada manis di hujungnya. Setiap gelap terowong, pasti ada sinar di hujungnya. Bersabarlah sehingga manis atau cahaya itu kita rasa.

SEMENJAK di lohmahfuz lagi, kematian kita telah direncanakan oleh ALLAH S.W.T. Walaupun mati itu pasti, namun tiada seorang pun mengetahui bila dan di mana Izrail akan menjemput kita mengadap ILAHI. Usah jadikan rahsia tersebut sebagai alasan untuk kita tidak mempersiapkan diri menghadapi detik-detik sakaratulmaut. Sesungguhnya dari tanah kita berasal, kepada tanah jualah kita dikembalikan. Setiap yang kita miliki di dunia ini, satu persatu akan diambil semula oleh Pemiliknya. Dunia hanyalah pinjaman semata-mata. Selagi jasad masih bernyawa, rebutlah peluang menggandakan amal ibadat demi menjadi hamba-NYA yang cemerlang di akhirat sana.

SOALAN BOCOR DARI KUBUR ini mengupas setiap persoalan yang akan ditanya oleh Munkar dan Nakir di alam barzakh nanti. Sematkan di dalam hati akan hakikat sebuah kematian dan pertemuan dengan Yang Maha Pencipta. Persiapkanlah diri dengan amalan soleh, mudah-mudahan kita bakal ditempatkan di syurga firdausi yang kekal abadi.



Tarikh : Selasa, 3 September 2013  
 Program : Motivasi Bulanan  
 Tajuk : Sedangkan Lidah Lagi Tergigit  
 Skop Kupasan : Asam Garam Kehidupan Berumahtangga  
 Penceramah : Ustaz Nizam bin Ali  
 Pegawai Agama,  
 Pejabat Pendidikan Agama Daerah Ledang

Lumrah berumahtangga, ibarat laut dan pantainya. Ada pasang surutnya. Sekali ombak memukul pantai, sekali pantainya berubah. Seperti juga gigi dan lidah. Walau sentiasa bersama, ada masanya gigi tergigit lidah. Mungkin sehingga menyebabkan luka berdarah, namun jarang sehingga parah. Tak terlalu lama, yang berdarah pulih sudah.

Begitu juga hakikat hidup bersama suami isteri. Ada masanya, bukan hilai tawa yang menghiasi rumahtangga, tapi amarah atau pertengkaran. Walau bukan itu yang kita inginkan, tapi sekali sekala pasti terjadi perkara sedemikian. Justeru, tanamlah dalam hati andai ada pertengkaran, lekas-lekaslah kita damaikan. Andai ada marah di hati, cepat-cepatlah kita sirami. Jangan dibiarkan luka sengketa berpanjangan, kelak mungkin membawa kemudaratn.



## MAKLUM BALAS PEMBACA

PUAN AISHAH BT. MOHD SIDI, KETUA JABATAN,  
 KOLEJ KOMUNITI JELI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BERTARIKH 4 OGOS 2013

CADANGAN

Saya amat teruja membaca Buletin TERAS yang dihantar. Ribuan terima kasih atas kiriman tersebut. Sedikit cadangan dari saya, masukkan aktiviti pelajar, selain daripada pendaftaran (sebagai tambahan). Isi kandungan buletin sangat menarik, syabas, *keep it up*. Salam perkenalan, *keep in touch*.

### JAWAPAN DARI MEJA EDITOR

Terima kasih di atas maklum balas dan cadangan yang dikemukakan oleh pihak puan. Untuk makluman puan, aktiviti pelajar tidak dimuatkan dalam buletin kami kerana terdapat buletin khas yang diterbitkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA). HEPA bertanggungjawab menyelaraskan semua aktiviti dan hal ehwal pelajar manakala Pejabat Pendaftar pula lebih memfokuskan pengurusan pentadbiran dan Sumber Manusia. Walau bagaimanapun, untuk keluaran kali ini, kami selitkan sedikit artikel mengenai pendaftaran pelajar baru yang berlangsung pada 1 September 2013 yang lalu. Sekali lagi, terima kasih di atas komen dan cadangan pihak puan.

::jenguk-jenguk::

# "Jom Jenguk-Jenguk"

## BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (BPA)

Keluaran Teras Edisi ke -18 kali ini menjenguk pula ke Bahagian Pengurusan Akademik (BPA). Di dalam ruangan ini, anda akan lebih mengenali dengan lebih dekat warga kerja di BPA.

BPA adalah salah satu daripada tujuh unit di bawah pentadbiran Pejabat Pendaftar. BPA diketuai oleh Timbalan Pendaftar iaitu Encik Mohd Nizam bin Pavel dan dibantu oleh Setiausaha Pejabat, Puan Elfa Laily binti Mohd Ramli bersama 19 orang staf.

::oleh: Elfa Laily binti Mohd Ramli::

## CARTA ORGANISASI



MOHD NIZAM BIN PAVEL  
 TIMBALAN PENDAFTAR (N48)



ELFA LAILY BINTI MOHD RAMLI  
 SETIAUSAHA PEJABAT (N27)



MOHAMAD ROSLAN BIN SABTU  
 PEMBANTU AM PEJABAT (N1)



SITI SALWAH BINTI AHMAD  
 PENOLONG PENDAFTAR (N41)  
 UNIT SENAT DAN KONVOKESYEN



IDAMURNI BINTI ISMAIL  
 PENOLONG PENDAFTAR KANAN (N44)  
 UNIT KEMASUKAN DAN REKOD PELAJAR



MARSITA BINTI MOHD TAIB  
 PENOLONG PENDAFTAR KANAN (N44)  
 UNIT PEPERIKSAAN DAN PENGIJAZAHAN

## UNIT SENAT DAN KONVOKESYEN

- Urusetia Mesyuarat Senat.
- Memantau tindakan Perkara Berbangkit dari Mesyuarat Senat untuk tindakan pegawai yang berkaitan dengan mengeluarkan Cabutan Minit Mesyuarat Senat.
- Menguruskan pemilihan Profesor sepenuh masa sebagai ahli Senat.
- Memantau pelaksanaan mesyuarat Jawatankuasa di bawah Senat Universiti seperti Jawatankuasa Tetap Senat (JKTS) dan Majlis Akademik Fakulti/Pusat.
- Mengurus dan memantau pelantikan dan penamatan tempoh ahli-ahli Senat, JKTS dan Majlis Akademik Fakulti/Pusat.
- Menyelaras penyediaan Kalendar Akademik UTeM.
- Menguruskan perolehan jubah bagi ahli Senat, LPU, Staf Akademik dan Graduan.
- Menyelaras dan mengurus kaedah penyimpanan jubah dan stok jubah.
- Urusetia Mesyuarat Induk Konvokesyen dan Mesyuarat Urusetia Konvokesyen.
- Memantau dan menyelia perjalanan Majlis Konvokesyen agar dapat berjalan dengan lancar.
- Menguruskan penyediaan Laman Web Konvokesyen.
- Memantau tindakan yang perlu diambil oleh Jawatankuasa Induk Konvokesyen dan Jawatankuasa Pelaksana.
- Mengurus dan menyelaras pelaksanaan program MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar.
- Menguruskan hal pentadbiran Unit Senat dan Konvokesyen.
- Merancang dan menyelaras bajet Unit.
- Menyelia stok peralatan pejabat Bahagian Pengurusan Akademik.
- Menguruskan penyediaan dan pengemaskinian Fail Meja (FM) dan Manual Prosedur Kerja (MPK) Bahagian.
- Menyediakan laporan Unit dan laporan yang diminta oleh pihak-pihak tertentu berhubung dengan aktiviti unit dari semasa ke semasa.



**MOHD ASRI BIN MOHD MOKHTAR**  
PEMBANTU TADBIR N17



**SULAINA BINTI KAMARDIN @KAMARUDIN**  
PEMBANTU TADBIR N17

FUNGSI

## UNIT PEPERIKSAAN DAN PENGIJAZAHAN

- Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat mengenai Peperiksaan/Keputusan Peperiksaan.
- Menguruskan pendaftaran mata pelajaran pelajar Pra Siswazah.
- Mengurus dan menyelaras jadual waktu kuliah semester lazim.
- Mengurus dan menyelaras jadual Peperiksaan Akhir pelajar.
- Urusetia dan wakil Penyelia Peperiksaan Akhir pelajar.
- Menguruskan percetakan kertas soalan Peperiksaan Akhir, Peperiksaan Khas dan Peperiksaan Semester Khas Permulaan pelajar.
- Menguruskan keputusan Peperiksaan Akhir, Peperiksaan Khas dan Peperiksaan Semester Khas.
- Mengkaji, merumus dan mengemuka dapatan mengenai prestasi akademik pelajar bagi Peperiksaan Akhir kepada Universiti.
- Mengkaji, menyelaras pelaksanaan, mengemaskini dan menguatkuasa Peraturan Akademik serta Panduan Peraturan Akademik Universiti.
- Menguruskan proses pengijazahan pelajar.
- Menyediakan dan menguruskan transkrip dan sijil pelajar.
- Menguruskan pendaftaran dan keputusan MUET pelajar.
- Menyelaras dan menguruskan perpindahan kredit bagi pelajar mobiliti/pertukaran.
- Mengemaskini status pengajian pelajar dan rekod akademik di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP).
- Menyediakan laporan tahunan/bulanan serta bajet Unit.
- Menguruskan persediaan penggunaan bilik kuliah bagi empat (4) zon (Zon 1: Kampus Induk, Zon 2: Makmal Fasa B, Zon 3: Kampus Bandar dan Zon 4: Bangunan Kampus Industri).
- Membuat pemantauan kebersihan dan susun atur kerusi dan meja bilik kuliah.
- Membuat perolehan, mengurus dan menyelenggara peralatan P&P bilik kuliah.
- Menguruskan dan 'follow up' laporan kerosakan peralatan bilik kuliah dengan Pejabat Pembangunan serta Pusat Komputer.
- Mengkaji dan membuat cadangan penambahbaikan peralatan dan bilik kuliah supaya kondusif kepada pengajaran dan pembelajaran.
- Menguruskan persediaan ruang untuk minggu peperiksaan Universiti.
- Menguruskan persediaan ruang untuk penilaian pelajar pertengahan semester.



**NOOR ASYIKIN BINTI SULAIMAN**  
PENOLONG PENDAFTAR (N41)



**AZHAR BIN ISMAIL**  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR (N27)



**MOHD REDUAN BIN AHMAD @ SAMAD**  
PEMBANTU TADBIR N17



**NORHAYATI BINTI AHMAD**  
PEMBANTU TADBIR N17



**NORAZAHAR BIN MOHAMED**  
PEMBANTU TADBIR N17

## UNIT KEMASUKAN DAN REKOD PELAJAR

- Menyelaras dan menyediakan unjuran pengambilan pelajar Pra Siswazah.
- Menyelaras dan mengurus penyediaan syarat kemasukan ke program akademik pra siswazah.
- Menyelaras dan mengurus pengambilan pelajar Pra Siswazah (Diploma, Ijazah Sarjana Muda) serta Pelajar Mobiliti (pertukaran pelajar).
- Menguruskan Hari Pendaftaran Pelajar Baharu.
- Urusetia Biro Hari Pendaftaran Pelajar Baharu.
- Menguruskan permohonan Daftar Semula, Berhenti dari Pengajian dan Tangguh Pengajian.
- Urusetia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Kemasukan Pelajar.
- Menguruskan pertukaran kursus atau fakulti pelajar.
- Menguruskan surat pengesahan diri pelajar.
- Melaksanakan kajian pengambilan dan mengemukakan laporan serta cadangan peningkatan kualiti dan kuantitiambilan.
- Merancang dan melaksana aktiviti promosi program akademik Pra Siswazah UTeM menerusi Karnival Pengajian Tinggi Negara.
- Menguruskan kemasukan dan pengemaskinian maklumat peribadi pelajar dalam SMP.
- Menyediakan statistik/data yang tepat bagi keperluan pihak-pihak yang berkepentingan dalam/luar UTeM seperti :  
- MyMOHES, SETARA, My3S, Kerajaan Negeri Melaka, MyRA
- Menguruskan pemilihan dan pengambilan pelajar antarabangsa.
- Menyertai aktiviti promosi anjuran Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat.
- Menyediakan brosur Syarat Kemasukan program akademik Pra Siswazah.



**MASRI BINTI AWALUDIN**  
PEMBANTU TADBIR KANAN N22



**AMIRUL RASYID BIN MOHAMAD**  
PEMBANTU TADBIR N17



**MAHATHIR BIN MAZIZAN**  
PENOLONG PENDAFTAR (N43)

**MUHAMMAD SHUHAIMI BIN ABU BAKAR**  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN (N32)

**ZAID BIN ABDULLAH**  
JURUTEKNIK (J17)



**JUFRI BIN MOHAMAD NOR**  
PEKERJA AWAM (R1)



**ZULKIFLI BIN MOHD RASID**  
PEKERJA AWAM (R1)



**AZIZI BIN ABD RASID**  
PEKERJA AWAM (R1)

FUNGSI

FUNGSI



A	I	S	R	K	J	S
30						1
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29

19 Jun - Qalisha Nur Damia binti Norfizri Puteri kepada Ainur Insyirah binti Ramle

SEMOGA KEPERIBADIANMU SEINDAH NAMAMU... yang hatinya SUCI BERSIH...matanya bersinar CAHAYA ketenangan & kegembiraan...KEBIJAKANmu dapat membezakan mana yang baik untukmu & mana yang kurang baik untukmu... menjadi penyejuk hati mama & papa

1	2	3	4
	5	6	7
8	9	10	11
	12	13	14
15	16	17	18
19	20	21	22
23	24	25	26
27	28	29	30
31			

Ahmad Dzakwan bin Mustafa  
bapa:  
Mustafa bin Ibrahim

Muhammad Alif Iskandar bin Mohd Nizam  
ibu:  
Nurhayati binti Mohd Shariff



September 1 2013

A	I	S	R	K	J	S
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30					

14 Sept - Nur Indah Rania binti Amir Hafizuddin Puteri kepada Amir Hafizuddin bin A.Bakar



Oktober 1 2013

A	I	S	R	K	J	S
	1	2	3	4	5	
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31		

11 Okt - Muhammad Nurhan Aidin bin Abd Majid, Putera kepada Noor Izwanni binti Amil




Mohd Faiz bin Zulkifli

Nurkamalliza binti Arshad  
1 September 2013



Kawen sudah...  
Raja Azmi bin Raja Ismail  
Siti Zurina binti Mohamad

Tanggal 29 September 2013 adalah tarikh bagi penyatuan dua hati menjadi satu, dua janji menjadi padu antara cinta Raja Azmi dan Siti Zurina. Kami berharap penyatuan hati ini dapat memberi perubahan kepada kehidupan kami, memberi keberkatan kepada dan dapat mendidik kami supaya menjadi hamba yang mempunyai keperibadian akhlak yang baik. Oleh itu, doakan kami agar ikatan cinta ini berkekalan hingga ke syurga, memperoleh keturunan zuriat yang baik dan memperoleh kehidupan yang dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah. Amin.



Kini berdua...

Nama pasangan Syalwanie binti Mohamad Rozi. Tarikh perkahwinan 14 September 2013. Pertamanya, syukur ke hadrat ilahi dalam usia perkenalan selama 2 tahun telah mengikat kami ke alam perkahwinan. Dengan ini kami memohon rakan-rakan sekalian mendoakan kesejahteraan perkahwinan kami hingga ke akhir hayat. Semoga perkahwinan kami diberkati dan dilimpahi dengan rezeki serta dikurniakan dengan zuriat yang soleh dan solehah. Amin.